

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

12. Dalam era teknologi yang semakin hari semakin maju bolehkah diwujudkan perkhidmatan internet percuma di kawasan-kawasan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa, inisiatif *Penang Free Wifi* (PFW) telah diwujudkan sejak tahun 2009 lagi. Perkhidmatan internet percuma ini telah memberi manfaat kepada seluruh penduduk di Negeri Pulau Pinang dengan pemasangan sebanyak 1560 *Access Point* berkelajuan 375Mbps setiap satunya. Kerajaan negeri sentiasa komited dalam memperluaskan jaringan PFW ke arah liputan yang lebih baik dari semasa ke semasa bagi memastikan Negeri Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam Industri Revolusi 4.0.